PRAKTIS 1

TEMA 2 : BERINGAT SUPAYA SELAMAT

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Pentingnya Mematuhi Lampu Isyarat

Warna kuning- warna merah- warna hijau- ingin cepat sampai-berlakunya kemalangan-kemalangan akan menyusahkan pengguna- kesesakan di jalan raya

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

menyebabkan	berhenti
perasaan	berada
mengikut	bergerak

Mematuhi warna lampu isyarat amat penting ketika (1)_____ di jalan raya.

Pemandu perlu bersedia untuk berhenti apabila **warna kuning** menyala. Ketika **warna merah**, pemandu mesti (2)_____ . Apabila lampu hijau menyala, barulah kenderaan boleh (3) _____ . Sesetengah pemandu tidak menghiraukan lampu isyarat kerana ingin cepat sampai. Kegagalan mematuhi isyarat boleh (4) _____ **berlakunya kemalangan**. Sesungguhnya, **kemalangan akan menyusahkan pengguna** lain. **Kesesakan di jalan raya** boleh memberikan tekanan (5) _____ kepada pengguna jalan raya.

Oleh itu, kita perlu (6) _____ peraturan yang ditetapkan di jalan raya.

LIVEWORKSHEETS

PRAKTIS 2

TEMA 3 : CAHAYA PERPADUAN

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Kebaikan Rumah Terbuka

- Saling mengenali
- Hubungan silaturahim semakin teguh
- Menjadi lebih akrab
- Semangat membantu jiran
- Keharmonian hidup berjiran

Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

Sudah menjadi tradisi, masyarakat akan mengadakan rumah terbuka apabila meraikan sesuatu (1) _____ .

Menerusi rumah terbuka, jiran tetangga yang berlainan latar (2) _____akan **saling mengenali**. Situasi ini akan (3) _____ kemesraan lantas **hubungan silaturahim semakin teguh**. Jiran yang selama ini jarang (4) _____ sapa akan **menjadi lebih akrab**. Dalam jangka masa panjang, **semangat membantu jiran** akan berkobar-kobar dalam jiwa masyarakat. Semangat (5) _____ yang utuh ini pasti akan mewujudkan **keharmonian hidup berjiran**.

Oleh itu, terbukti bahawa manfaat rumah terbuka amat (6) _____ dalam kalangan masyarakat Malaysia.

perayaan	kejiranan
mewujudkan	belakang
bertegur	mengikut

LIVEWORKSHEETS